

03 DEC 1999

Adnan-Sumpah

ADNAN YAAKOB ANGKAT SUMPAH SEBAGAI MENTERI BESAR PAHANG

PEKAN, 4 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Pahang yang ke-14 di hadapan Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah dalam satu upacara khas di Istana Abu Bakar di sini.

Sultan Ahmad Shah sebelum itu berkenan menyampaikan watakah pelantikan kepada Adnan di Bilik Menghadap istana itu dengan disaksikan dif-dif kehormat termasuk Sultanah Pahang Sultanah Hajah Kalsom dan Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah serta Tengku Puan Pahang.

Kesemua 37 Anggota Dewan Undangan Negeri termasuk lapan daripada parti pembangkang turut hadir.

Adnan, 49, mengambil alih kepimpinan kerajaan Pahang daripada Tan Sri Khalil Yaakob pada 25 Mei lepas berikutan satu rombakan kecil kabinet oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Khalil kini merupakan Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung UMNO.

Pada pilihan raya umum Isnin lepas, Adnan mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Pelangai dengan menewaskan Dr Abdul Wahid Ahmad Shuhaime daripada Keadilan dengan majoriti 2,119 undi.

Beliau yang ditemui pemberita selepas majlis itu berkata matlamat beliau kini adalah untuk pembangunan negeri dan meminta semua pihak supaya melupakan perkara yang telah berlaku pada pilihan raya dan menumpukan perhatian kepada pembangunan negeri dan rakyat.

Adnan juga meminta semua Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) termasuk pembangkang supaya memberikan kerjasama dengan mengemukakan pandangan dan kritikan membina pada setiap perbincangan di Dewan Negeri.

Mengenai pembangunan negeri, Adnan berkata beliau akan melaksanakan pembangunan seimbang antara pembangunan fizikal dan kerohanian selain memberi fokus kepada perkara yang lebih asas.

Mengenai barisan exco negeri, beliau berkata anggota lama tidak semestinya dilantik semula kerana ia bergantung kepada kesesuaian dan perlantikan mereka akan dibuat pada Rabu atau Khamis ini selepas beliau berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya ciri-ciri mereka bergantung kepada faktor boleh bekerja kuat dan menguasai bidang-bidang tertentu yang bakat mereka boleh digunakan dalam melaksanakan pembangunan kerajaan.

-- BERNAMA

SHS LAT